

Zaid: PRU 13 akan tunjukkan sama ada Melayu akan tolak Umno
Malaysian Insider
26 September, 2012
Oleh Jahabar Sadiq

KUALA LUMPUR, 26 Sept — Pilihan raya umum akan datang bakal mendedahkan sama ada majoriti orang-orang Melayu sudah bersedia untuk meninggalkan “jalan yang dipilih untuk mereka oleh Umno selama 55 tahun yang lalu” dan mencari jawapan lain kepada masalah-masalah yang mereka hadapi, kata Datuk Zaid Ibrahim.

Bekas menteri Umno itu berkata beliau merasakan parti nasionalis Melayu itu takut minda masyarakat berubah sehingga mendorong Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menghukum “Melayu tak bersyukur” baru-baru ini.

Beliau memberikan pandangan selepas kajian Universiti Malaya yang menunjukkan bahawa Umno-Barisan Nasional (BN) akan terus mentadbir negara walaupun sokongan semakin meningkat untuk Pakatan Rakyat (PR).

“Pilihan raya ini, lebih daripada sebelumnya, akan menunjukkan jika Melayu dan kaum Bumiputra sudah bersedia untuk meninggalkan jalan yang dipilih untuk mereka oleh Umno 55 tahun lalu,” kata Zaid melalui e-mel kepada The Malaysian Insider.

“Pilihan raya ini akan menunjukkan jika mereka sudah bersedia untuk mempercayai diri.

“Untuk sekian lama, mereka memegang amanah tersirat dan memberikan sokongan mutlak terhadap pemimpin-pemimpin mereka.

“Persoalannya adalah, apakah mereka akan terus berbuat demikian atau mereka akan berusaha jawapan alternatif kepada banyak masalah yang dihadapi kehidupan harian mereka,” katanya.

Umno ditubuhkan pada tahun 1946 untuk menentang Malayan Union yang dicipta oleh penjajah British untuk menyatukan semua negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, yang kebanyakannya merupakan kawasan pertanian pada waktu itu.

Presiden kedua Umno, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan sekutunya MCA dan MIC merundingkan kemerdekaan Malaya pada tahun 1957 dan kemudiannya membentuk Malaysia bersama Sabah, Sarawak dan Singapura, yang keluar pada tahun 1965.

Perikatan yang pada mulanya terdiri daripada Umno, MCA dan MIC telah diperluaskan menjadi BN sebelum pilihan raya tahun 1974, selepas rusuhan kaum tahun 1969 — yang menyebabkan Tunku Abdul Rahman kehilangan tugasnya.

Umno kemudiannya dibatalkan pendaftarannya pada tahun 1988 selepas perpecahan kepimpinan membawa kepada penemuan cawangan haram.

Umno pada hari ini didaftarkan sebagai Umno Baru. Satu kumpulan serpihan pada tahun 1951 kemudian dikenali sebagai PAS, yang memperjuangkan sebuah negara Islam.

Pilihan raya 2008 adalah yang terburuk bagi BN, kehilangan empat negeri dan majoriti tradisi dua pertiga di parlimen.

Keputusan itu menyebabkan Tun Abdullah Badawi meletak jawatan perdana menteri setahun kemudian memberi laluan kepada Datuk Seri Najib Razak.

Najib telah bekerja keras berkempen untuk memenangi kembali sokongan untuk BN.

Najib berjanji untuk melakukan pembaharuan tetapi masih belum menunjukkan bila dia akan mengadakan pilihan raya, yang perlu diadakan menjelang pertengahan tahun hadapan.

Bekas perdana menteri Dr Mahathir berkata November adalah ideal untuk mengadakan pilihan raya mengejut.

Dr Mahathir mengatakan Melayu "tidak bersyukur" dan "kurang kecerdasan", serta memberi amaran bahawa ketamakan kuasa beberapa pemimpin Melayu dalam pembangkang akan menyebabkan bangsa dominan negara kehilangan kuasa politik.

Kecaman panjang terhadap orang Melayu dalam Minggu Malaysia minggu Ahad lalu, Dr Mahathir menyatakan kesedihan menyaksikan orang Melayu kini kononnya berpecah kepada tiga kumpulan dan mengatakan ini menyebabkan mereka "mengemis" bagi mendapatkan sokongan daripada kaum-kaum lain.

"Siapa yang membawa bencana ini? Tiada siapa selain daripada Melayu itu sendiri — Melayu tamak, Melayu kurang kebijaksanaan, Melayu mudah dipengaruhi oleh nafsu, mudah dikuasai oleh kebencian apabila gelisah," kata Dr Mahathir.

Zaid, yang membina perkongsian terbesar firma undang-undang negara sebelum memasuki politik, telah mengecam kenyataan Dr Mahathir itu, dengan berkata sanggup menjadi Melayu tidak bersyukur daripada dianggap bodoh.

"Saya rasa bahawa Umno kini takut dengan perubahan minda Melayu. Itu sebab mengapa mereka ketua ideology mereka, Dr Mahathir melancarkan serangan berterusan ke atas apa yang beliau panggil Melayu tidak bersyukur. Melayu bukannya tidak bersyukur, akan tetapi, mereka baru sahaja menemui kehidupan tanpa Umno," katanya kepada The Malaysian Insider.

Pemerhatian beliau selepas kajian yang dijalankan oleh Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya mendapati BN mendapat 44 peratus sokongan di kalangan mereka yang ditinjau, penurunan berbanding keputusan Mac lepas yang berjumlah 49 peratus.

Terdapat peningkatan bilangan orang-orang yang percaya bahawa PR boleh mengambil alih Putrajaya, daripada 21 peratus Mac hingga 30 peratus dalam kaji selidik "Trend Mengundi Menjelang Pilihan Raya Umum ke-13" yang dijalankan dari 1 – 16 September.

Keputusan kaji selidik itu juga menunjukkan bahawa PR mungkin akan terus menang di Selangor dan Kedah akan tetapi terdapat penurunan sokongan di kalangan penduduk Kelantan terhadap kerajaan negeri pimpinan PAS.

Kaji selidik dari muka-ke-muka yang tmelibatkan 1,536 responden dari semua tiga kumpulan etnik utama. Setiap orang telah dipilih secara rawak untuk menjawab kaji selidik berstruktur.

Kaji selidik itu juga menunjukkan bahawa populariti Najib telah jatuh dari 61 peratus pada Mac kepada 58 peratus bulan ini.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/zaid-pru-13-akan-tunjukkan-sama-ada-melayu-akan-tolak-umno/>